

3,000 unit kedai bakal ditawarkan

Meridian Bhd (Meridian), pemaju Bandar Pelancongan Malaysia (MTC) di Melaka bakal menawarkan 3,000 unit kedai kepada peniaga melalui tarikan terbaharunya, pasar minggu Luasempit@MTC yang bakal beroperasi secara rasmi pada September tahun depan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seth Yap, berkata peniaga berpeluang menyewa kedai terbabit yang memiliki keluasan 100 kaki persegi setiap unit hanya pada harga RM2,5000 sebulan.

"Untuk jumlah sewaan itu, peniaga berpeluang untuk memiliki kedai yang bakal dikunjungi dua juta pelancong setahun dan akses kepada saluran omni kami kepada 20 platform beli-belah dalam talian serantau seperti Thai-

land, Indonesia, Singapura, Vietnam dan Filipina," katanya pada majlis pengumuman Luasempit dan rakan kongsinya di Kuala Lumpur, semalam.

Pasar minggu Luasempit@MTC yang dibuka setiap Jumaat dan Sabtu bakal menjadi pasar minggu terbesar di dunia dengan keluasan sehingga 40.46 hektar.

Kira-kira 40 peratus daripada lokasi berkenaan adalah tasik dan ia mengambil inspirasi daripada pasar minggu Chatuchak iaitu destinasi beli-belah popular di Thailand yang berjaya menarik 200,000 pelawat setiap hari.

Beliau berkata, pada masa ini sambutan terhadap unit kedai itu amat menggalakkan di mana sebanyak 40 peratus individu atau

peniaga sudah mendaftarkan minat masing-masing.

"Kami tidak akan mencari sehingga 3,000 penyewa kerana setengah daripada mereka akan mengambil lebih daripada satu unit," katanya.

Yap berkata, pihaknya merancang menganjurkan pasar minggu yang akan menampilkan produk yang boleh didapati secara harian, sekali gus membolehkan peniaga di sana menjalankan operasi perniagaan harian di tempat lain.

"Ini adalah sebahagian strategi kami bagi membina usahawan tempatan. Melalui pasar yang beroperasi pada hujung minggu maka peniaga di sini tidak perlu berhenti kerja jika mereka memiliki sumber pendapatan lain

pada hari biasa.

"Apabila pendapatan perniagaan daripada pasar kami dan saluran omni stabil, maka mereka boleh memberi fokus kepada pengukuhan perniagaan mereka," katanya.

Pasar minggu Luasempit@MTC, taman tema air pertama Hasbro dan taman *adventure* berjenama adalah fasa pertama daripada pembangunan 251.76 hektar MTC di Kuala Linggi, Melaka terdiri daripada empat teras iaitu pelancongan massa, pelancongan perubatan, pelancongan pendidikan dan ekopelancongan.

Projek itu dilaksanakan dalam tiga fasa dengan fasa pertama dijangka lengkap sepenuhnya tempoh tiga tahun akan datang.



11 SEP, 2019

3,000 unit kedai bakal ditawarkan

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Pasar minggu Luasempit@MTC

Meridian Bhd (Meridian), pemaju Bandar Pelancongan Malaysia (MTC) di Melaka bakal menawarkan 3,000 unit kedai kepada peniaga melalui tarikan terbaharunya, pasar minggu Luasempit@MTC yang bakal beroperasi secara rasmi pada September tahun depan. Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seth Yap, berkata peniaga berpeluang menyewa kedai terbabit yang memiliki keluasan 100 kaki persegi setiap unit hanya pada harga RM2,5000 sebulan.